



LUQMAN Ridha (duduk, empat dari kanan) dan Norti Sirin (duduk, empat dari kiri) bersama peserta yang menghadiri Bengkel Penggubalan Modul.

Jabatan Pendaftar UMS anjur Bengkel Penggubalan MyCPD

UB 20.9.13 BC

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Pembangunan Profesional Bukan Akademik, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan satu bengkel Penggubalan Modul Latihan MyCPD Kakitangan Bukan Akademik bagi Tahun 2014 bertempat di Hotel Le Meridien, di sini, baru-baru ini.

Bengkel yang bertujuan untuk merangka modul latihan mengikut keperluan skim itu dihadiri lebih 30 kakitangan yang mewakili pelbagai skim perkhidmatan.

Bengkel itu telah dirasmikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar, Luqman Ridha Anwar, yang mewakili Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.



TAKLIMAT daripada penyelaras bengkel, Victor Gondipon.

Terdahulu dalam ucapan perasmianya, Luqman berkata modul latihan yang digubal bukan sahaja menjurus kepada kemahiran dan pengetahuan tetapi juga sikap kakitangan, yang merupakan elemen penting dalam mana-mana aspek

latihan.

Hadir sama Ketua Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Norti Sirin dan penyelaras bengkel yang juga Ketua Unit Pembangunan Profesional Bukan Akademik, Victor Gondipon.